

# PERSEPSI PELAPIS JURULATIH UTAMA (JU) MUDA KBAT TERHADAP KURSUS ORIENTASI PELAPIS JU MUDA 2016

Ong Eng Sing @ Peter Ong<sup>1</sup>

Mohd Sabrinordin Mohd Yusoff<sup>2</sup>

Ong Eng Tek, (PhD)<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

Universiti Pendidikan Sultan Idris<sup>3</sup>

peter@ipgkik.edu.my<sup>1</sup>

## **Abstrak**

*Kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi pelapis Jurulatih Utama (JU) Muda Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap Kursus Orientasi Pelapis JU Muda KBAT Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) yang dijalankan pada 27 Februari 2016. Reka bentuk tinjauan pasca-intervensi digunakan di mana sampel kajian ini terdiri daripada 28 orang pelapis JU Muda KBAT dari IPGKIK. Kaedah soal selidik yang terdiri daripada 10 item skala Likert dan item respon terbuka digunakan sebagai kaedah pengumpulan data. Analisis data soal selidik item skala Likert mendapati sampel kajian mempunyai persepsi yang positif merentas kesemua item dengan purata min sebanyak 4.41. Analisis data respon terbuka pula dihablurkan kepada satu tema, yakni keberkesanan fasilitator yang boleh disubkategorikan kepada keterampilan, pengetahuan pedagogi kandungan dan peranan. Kajian mendapati bahawa Kursus Orientasi Pelapis JU Muda KBAT adalah penting untuk pelapis sebagai pendidik pada masa kini dan juga pada masa hadapan. Selain itu, peserta kursus mendapati kursus ini telah berjaya dikendalikan oleh Biro JU Muda IPGKIK untuk pelapis JU Muda dengan jayanya dan berkesan.*

**Kata Kunci:** Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Jurulatih Utama Muda, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

## **Abstract**

*This study was conducted to gauge the perception of Junior Trainers on Higher Order Thinking Skills (HOTS) towards the "Orientation Course on Teacher Education Institute Ilmu Khas Campus (IPGKIK) Junior Key Trainers in Higher Order Thinking Skills" which was held on 27th February 2016. The research design employed in this research was, a post-intervention survey in which the participants comprised 28 Junior Trainers from the Specialist Teachers Training Institute Kuala Lumpur. 10 items using Likert Scale and open response Questionnaires were used as the methods for data gathering. The analysis of 10-item Likert scale questionnaire data indicates that the participants have a positive view for all the items with an overall mean of 4.41. The analysis of open response data, meanwhile, crystallises into a theme, namely the effectiveness of facilitators, which could subsequently be subcategorized into skills, pedagogical content knowledge, and roles. The findings of this study indicated that the participants perceived the Orientation Course on IPGKIK Junior Key Trainers in Higher Order Thinking Skills as vital to all present and future educators. Besides, all participants unanimously agreed that the course was indeed conducted successfully.*

**Keywords:** Higher Order Thinking Skill (HOTS), Junior trainers, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK)